

SOALAN NO: 283

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN ER TECK HWA

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja tempatan dan pekerja asing yang telah diberhentikan oleh majikan mengikut negeri, jenis industri, umur dan jantina dari tahun 2010 hingga 2016.

PR-1343-T77243

JAWAPAN

Tuan Yang Di pertua,

- Untuk makluman Dewan yang mulia, rekod pemberhentian pekerjaan dari tahun 2010 hingga September 2016 yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) menunjukkan, pemberhentian tertinggi berlaku pada tahun 2015 iaitu seramai 38,499 orang berikutan penstrukturran semula syarikat-syarikat swasta serta

langkah mengoptimumkan operasi melalui penggunaan teknologi dalam penyampaian kepada pelanggan, kejatuhan harga minyak mentah di pasaran dunia dan kemerosotan nilai ringgit serta ketidaktentuan ekonomi dunia. Bilangan pekerja tempatan yang terlibat adalah 36,570 orang (95%) dan bilangan pekerja asing adalah 1,929 orang (5%).

2. Sehingga September 2016, bilangan pekerja lelaki adalah lebih ramai diberhentikan kerja daripada pekerja wanita iaitu seramai 27,417 orang (87.10%). Perincian seperti di **Jadual 1** di Lampiran.
3. Kuala Lumpur mencatatkan bilangan pemberhentian tertinggi iaitu seramai 18,530 orang pekerja (48.13%) pada tahun 2015 diikuti negeri Selangor seramai 16,921 orang pekerja (51.14%) pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, sehingga September 2016 negeri Pulau Pinang mencatatkan bilangan pemberhentian tertinggi iaitu seramai 10,415 orang pekerja (33%) diikuti negeri Kuala Lumpur seramai 10,290 orang pekerja (32.69%). Perincian seperti di **Jadual 2** di Lampiran.
4. Bilangan pekerja yang paling ramai terlibat dengan tindakan pemberhentian pekerja ialah dari sektor pembuatan iaitu seramai 25,852 orang pekerja (78%) pada tahun 2013 dan kekal tertinggi pada tahun 2014 iaitu seramai 17,386 orang pekerja diberhentikan (67%). Walau bagaimanapun, sektor Kewangan dan Insuran/Takaful mencatatkan pemberhentian yang tertinggi iaitu seramai 17,628 orang pekerja (45.79%) pada tahun 2014. Sehingga September

2016, sektor Pembuatan kembali mencatatkan bilangan pemberhentian tertinggi iaitu seramai 13,596 orang pekerja (43.19%). Perincian seperti di **Jadual 3** di Lampiran.

Jadual 1 :

**Bilangan Pemberhentian Pekerja Tempatan Asing Yang Dilaporkan Ke JTK Dan
Dilaksanakan Mengikut Jantina Dari Tahun 2010 Hingga September 2016**

TAHUN	BILANGAN PEKERJA DIBERHENTIKAN	PEKERJA TEMPATAN			PEKERJA ASING		
		L	P	JUMLAH	L	P	JUMLAH
2010	19,291						
2011	20,104						
2012	33,989						

Pecahan pekerja tempatan dan asing mengikut jantina tidak dapat dibekalkan kerana tiada perincian data pemberhentian yang dilaksanakan pada tahun 2010 sehingga 2012.

TAHUN	BILANGAN PEKERJA DIBERHENTIKAN	PEKERJA TEMPATAN			PEKERJA ASING		
		L	P	JUMLAH	L	P	JUMLAH
2013	33,086	11,588	7,391	18,979	10,701	3,406	14,107
2014	25,917	11,764	8,444	20,208	2,446	3,263	5,709
2015	38,499	20,384	16,186	36,570	1,726	203	1,929
Sept. 2016	31,476	14,295	13,122	27,417	2,180	1,879	4,059

Sumber : *Labour Market Database (LMD)*, JTK

Jadual 2 :

Pemberhentian Pekerja Yang Dilaksanakan Mengikut Negeri Dari Tahun 2010 hingga September 2016

NEGERI	2010	2011	2012	2013	2014	2015	SEPTEMBER 2016
Johor				2,615	3,897	1,109	3,400
Kedah				217	107	135	82
Kelantan				338	133	128	22
Melaka				1,400	3,053	427	260
Negeri Sembilan				27	569	779	2,648
Pahang				337	167	1,322	316
Pulau Pinang				6,325	4,760	1,102	10,415
Perak				1,457	1,432	587	810
Perlis				0	0	44	0
Selangor				16,921	6,794	12,858	2,053
Terengganu				57	5	627	382
W.P. Kuala Lumpur				2,360	3,982	18,530	10,290
W.P. Labuan				0	0	153	176
W.P. Putrajaya				0	27	63	8
Sabah				492	343	508	499
Sarawak				540	648	127	115
JUMLAH	19,291	20,104	33,989	33,086	25,917	38,499	31,476

sumber : Labour Market Database (LMD), JTK

Nota : 1) Data merangkumi Pemberhentian Biasa dan Pemberhentian Secara Sukarela (VSS)

2) Pecahan pekerja tempatan asing dan lelaki perempuan mengikut negeri tidak dapat dibekalkan kerana tiada perincian data tersebut.

Jadual 3 :

Bilangan Pekerja Yang terlibat Dengan Pemberhentian Mengikut Sektor

Dari Tahun 2010 hingga September 2016

SEKTOR	2010	2011	2012	2013	2014	2015	SEPT. 2016
Aktiviti harta tanah				36	94	111	80
Aktiviti isi rumah sebagai majikan; aktiviti mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang tidak dapat diklasifikasikan				0	0	0	8
Aktiviti kesihatan, kemanusian dan kerja sosial				15	106	5	85
Aktiviti kewangan dan insuran / takaful				462	122	17,628	4,424
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan				1,265	426	1,070	712
Aktiviti perkhidmatan lain				596	206	220	94
Aktiviti profesional , saintifik dan teknikal				395	673	1,775	1,184
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara				0	6	47	27
Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan				0	61	88	48
Kesenian, hiburan dan rekreasi				0	20	81	19
Maklumat dan komunikasi				410	861	815	305
Pembinaan				663	812	521	428
Pembuatan				26,303	17,887	9203	13,596
Pendidikan				300	207	124	169
Pengangkutan dan Penyimpanan				250	290	668	275
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman				343	1,345	399	342
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib				1,029	445	1,293	0

SEKTOR	2010	2011	2012	2013	2014	2015	SEPT. 2016
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal				734	1,456	1,961	7,383
Perlombongan dan Pengkuarian				68	810	2,255	2,067
Pertanian, perhutanan dan perikanan				217	90	235	230
JUMLAH			Pecahan pekerja tempatan dan asing mengikut sektor tidak dapat dibekalkan kerana tiada perincian data pemberhentian yang dilaksanakan pada tahun 2010 sehingga 2012.		33,086	25,917	38,499
							31,476

sumber : Labour Market Database (LMD), JTK

Nota : 1) Data merangkumi Pemberhentian Biasa dan Pemberhentian Secara Sukarela (VSS)

- 2) Pecahan pekerja tempatan asing dan lelaki perempuan mengikut negeri tidak dapat dibekalkan kerana tiada perincian data tersebut.
- 3) JTKSM tiada maklumat tentang umur kerana maklumat berkenan tidak dikutip semasa pengumpulan data dibuat. Ini kerana sekiranya maklumat individu seperti umur dikumpulkan, maka majikan terpaksa mengisi borang secara individu bagi setiap pekerja dihentikan. Ini amat menyukarkan pihak majikan kerana terpaksa mengisi borang yang banyak sekiranya melibatkan pemberhentian yang ramai. Begitu juga dari aspek penyimpanan data oleh JTK.

SULIT

SOALAN: 284

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ER TECK HWA [
BAKRI]**

SOALAN :

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada NGO, persatuan dan sekolah bagi kawasan Parlimen Bakri dan kawasan Parlimen Bakri mengikut tahun dari 2006 hingga 2016.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2006 hingga 2016, sebanyak RM11.06 juta telah diluluskan di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen Bakri, Johor untuk membiayai 902 program/projek.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

SOALAN : 285

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kumpulan nombor plat yang berlainan yang diuruskan oleh agensi luar, berapakah jumlah bayaran yang diterima oleh Kementerian dan adakah terdapat tempoh masa dan siapakah yang menetapkan harga.

JAWAPAN

Yang Berhormat,

Untuk makluman, pengeluaran dan pemberian nombor pendaftaran khas adalah tertakluk di bawah kuasa Menteri Pengangkutan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Subkaedah 5A(2), Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959.

Kementerian dan Jabatan Pengangkutan Jalan menetapkan bayaran sebanyak RM 1 juta bagi setiap siri nombor pendaftaran khas yang diluluskan atau menetapkan amaun bayaran berdasarkan nilai semasa tawaran nombor pendaftaran sekiranya kelulusan nombor khas diberikan berdasarkan julat tertentu .

Selain itu, tempoh masa sekurang-kurangnya setahun diberikan kepada pihak yang diberikan kelulusan untuk menyelesaikan semua aktiviti promosi dan penjualan nombor pendaftaran khas. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk melanjutkan tempoh tersebut, pihak agensi terlebih dahulu perlu membuat permohonan rasmi kepada kementerian serta mengemukakan justifikasi keperluan pelanjutan nombor pendaftaran khas tersebut.